



jabatan  
agama

Foto: Unit Foto KKSB & Foto Peribadi  
Ustaz Zaharuddin Abd Rahman

# Sah solat guna pewangi beralkohol

Oleh: ISMADI ISMAIL

**S**OLAT sah walaupun seorang itu menggunakan minyak wangi beralkohol. Namun alkohol itu mestilah daripada jenis methanol, di mana sumber asas alkohol tersebut adalah daripada kayu-kayuan dan bunga yang

khusus untuk dijadikan sebagai minyak wangi," ujar pencermah bebas, Ustaz Fauzi Mustafa ketika mengulas isu penggunaan minyak wangi beralkohol ketika bersolat.

Tambahnya, disebabkan ada pelbagai pendapat tentang isu ini, masyarakat sering kali terkeliru terhadap jenis alkohol yang terdapat di dalam minyak wangi.

"Alkohol ada bermacam-macam jenis dan ia sering kali digunakan dalam penghasilan arak, air gas dan minyak wangi. Jenis alkohol yang ada di dalam arak adalah berbeza dengan jenis alkohol untuk pembuatan minyak wangi."

"Ini kerana alkohol yang terkandung di dalam arak adalah daripada jenis ethanol yang di-



Ustaz Fauzi Mustafa menyarankan pengguna Islam menggunakan minyak wangi jenis atar dan kasturi kerana baunya juga harum.

gunakan khas untuk penghasilan arak dan tidak sesuai untuk dijadikan sebagai minyak wangi," ujar Fauzi yang menggalakkan umat Islam menggunakan wangian-wangian ketika bersolat seperti yang tertulis dalam beberapa hadis nabi.

Ujarnya lagi, minyak wangi daripada sumber kasturi dan atar yang dihasilkan daripada bunga melur dan mawar adalah minyak wangi yang diharuskan seorang memakainya ketika bersolat, di samping baunya yang juga harum daripada minyak wangi lain.

"Pengguna Islam disarankan membaca isi kandungan yang tertera pada label produk sebelum membelinya, produk minyak wangi tiruan yang tidak pasti sumbernya," katanya.

